



BULETIN JSKM

JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

KELUARAN 3, EDISI 2018

Diterbitkan pada Januari 2019



MENARIK

PROGRAM BRIDGING
GAP

10 & 23

PROGRAM BERJALAN 10K
LANGKAH & PLOGGING

26

PROGRAM MENTOR-
MENTEE (STEM)

21

LEVEL UP YOUR
CALCULUS

9

COURSE TEACHING EXPERIENCE
SHARING SESSION (CTESS)

7

SHARING SESSION
JSKM

28

ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator.....	1
Pencapaian.....	2
Aktiviti.....	6
Nukilan.....	39
Kenangan.....	54

8



BENGKEL KALKULUS

29



PADDY FIELD WALK

36



KEJAYAAN KIK

18



BOWLING

25



PROGRAM BEBAS KANSER

19

SEBUAH KAMUS SERIBU
MAKNA

BICARA EDITOR

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

PROF. MADYA TS DR MOHD HISBANY MOHD HASHIM

PENASIHAT

MUNIROH HAMAT

KETUA EDITOR

SITI BALQIS MAHLAN

EDITOR

JAMAL OTHMAN

SAIFUL NIZAM WARRIS

MAISURAH SHAMSUDDIN

NAEMAH ABD WAHAB

SITI ASMAH MOHAMED

GRAFIK & REKA LETAK BAHAN

MAISURAH SHAMSUDDIN

Assalamualaikum dan salam sejahtera..

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin JSKM Keluaran 3 Edisi 2018 berjaya diterbitkan pada tahun ini. Buletin ini bukan sahaja melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang 2018, malah ia juga memaparkan kenangan terindah dan juga pencapaian yang dikecapi oleh pensyarah-pensyarah JSKM. Pencapaian ini termasuklah dari segi perundingan, penulisan, penyelidikan, KIK dan juga inovasi. Ia juga sebagai salah satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama pelajar dan staf berkaitan aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan kalendar aktiviti JSKM. Diharap penerbitan kali ini akan menjadi galakan kepada semua staf JSKM agar lebih maju jaya dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi kerjaya masing-masing. Terima kasih di atas semua yang terlibat dalam menjayakan buletin pada kali ini. Terima kasih juga kepada sidang editor yang bekerjasama dengan penuh komitmen dan syabas diucapkan. Diharap usaha seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa datang.

Siti Balqis Mahlan

DARI MEJA KOORDINATOR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya pada tahun ini, sekali lagi saya diberi ruang dan kesempatan untuk merakam sepatah dua kata dalam ruangan ini.

Sebelum meneruskan bicara, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli e-Buletin JSKM kerana telah berjaya menerbitkan buletin bagi tahun 2018.

Alhamdulillah, berkat usaha gigih kerjasama semua pihak, JSKM telah banyak mengalami peningkatan dari segi penulisan, penyelidikan dan inovasi. Kejayaan ini merupakan hasil usaha para pensyarah dalam mengekalkan dan meningkatkan pencapaian ini dari semasa ke semasa.

Dalam menghadapi era globalisasi yang mencabar ini, para pensyarah perlu berusaha lebih gigih untuk melengkapi diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Selain itu, permuafakatan antara pensyarah dan pelajar merupakan tunjang penting bagi melahirkan kejayaan di kalangan pelajar.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga JSKM terus melipatgandakan usaha untuk meraih kejayaan dalam semua bidang untuk 2019 pula. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung bagi menjayakan penerbitan e-Buletin JSKM kali ini.

Sekian, terima kasih.

MUNIROH HAMAT
Koordinator Jabatan Sains Komputer & Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang

PENYELIDIKAN

Profiling the Expectation, Preferences, Experience and Satisfaction of Tourist in Malaysia's Shopping Landscape

Geran: FRGS

Peruntukan: RM43500

Dian Aszyanti Atirah Mohd Asri, Azila Azmi (Dr), Norliza Aminudin (Dr), Dahlan Abdullah, **Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (PM. Dr)**

A Study On Effective Learning Of Novice Programmer Engineering Students at UiTM Cawangan Pulau Pinang

Geran: ARAS

Peruntukan: RM10000

Azlina Mohd Mydin, Syarifah Adilah Mohamed Yusoff, Wan Anisha Wan Mohammad

Generating a Learning Method Based on Analysis of Students Error in Engineering Calculus

Geran: FRGS

Peruntukan: RM10000

Maisurah Shamsuddin, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (PM. Dr), Faridah Hussin, Siti Balqis Mahlan, Fadzilawani Astifar Alias

Employability Issues : Facing the Challenges of the Industry Requirements – Strategies and Techniques for an Employability Enhancement at the Entry Level

Geran: FRGS

Peruntukan: RM43500

Shaira Ismail, Dr Rushita Ismail, Farina Nozakiah Tazian, **Mohd Saifulnizam Abu Bakar**

PERUNDINGAN

**LAMAM WEB DAN SISTEM PENDAFTARAN KONFEREN ATAS
TALIAN BAGI ICOMEIA 2018 (INTERNATIONAL CONFERENCE
ON MATHEMATICS, ENGINEERING & INDUSTRIAL
APPLICATIONS)**

MAC 2018

Amaun : RM700

Ketua: Mohd Saifulnizam Bin Abu Bakar

Ahli: Saiful Nizam Bin Warris, Mohd Syafiq Bin Abdul Rahman

**E-PROFIL BELIA DAN WANITA BUMIPUTERA PULAU PINANG
MAC 2018**

Amaun : RM30000

Ketua: PM Dr Ahmad Zia Ul-Saufie Bin Mohamad Japeri

Ahli: Siti Balqis Binti Mahlan, Mohd Syafiq Bin Abdul Rahman, Suhaiza Binti Hasan,
Saiful Nizam Bin Warris, Nurhafizah Binti Ahmad, Naemah Binti Abdul Wahab

**SISTEM PENGURUSAN PEPERIKSAAN DI UTM CAWANGAN PERLIS KAMPUS ARAU, CAWANGAN
MELAKA KAMPUS ALOR GAJAH, BANDARAYA MELAKA & JASIN-FSKM & FPA, CAWANGAN P. PINANG
KAMPUS BERTAM DAN CAWANGAN N. SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN-FSPPP**

APRIL 2018

Amaun : RM6200

Jamal bin Othman

KURSUS 'POWERPOINT 365: THE NEXT LEVEL'

SEPTEMBER 2018

Amaun : RM1500

Ketua: Mohd Saifulnizam Bin Abu Bakar

Ahli: Noraziah Mohd Amin

BASIC MATHCAMP

OKTOBER 2018

Amaun : RM2400

Ketua: Norazah Binti Umar

Ahli: Maisurah Shamsudin, Noor Azizah Mazeni, Mohd Syafiq Abd Rahman,
PM Dr. Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri, Siti Mariam Saad, Rozita Kadar,
Mahanim Omar, Nur Azimah Idris, Ahmad Rashidi Azudin, Muniroh Hamat

**SISTEM PENGURUSAN PEPERIKSAAN UNTUK
PEPERIKSAAN DIS 2018**

OKTOBER 2018

Amaun : RM6200

Jamal bin Othman

PANEL OF EXTERNAL MODERATOR

DISEMBER 2018

Amaun : RM2760

Dr. Ch'ng Pei Eng

INOVASI

Bronze Medal

i - IDeA 2018

UiTM Cawangan Perlis
Let's Jump and Think with Ketingting
 Siti Mariam Saad, Mahanim Omar,
 Siti Nurleena Abu Mansor

Bronze Medal

i - IDeA 2018

UiTM Cawangan Perlis
MUMKIT
 Rafizah Kechil, Zuraira Libasin,
 Wan Anisha Wan Mohammad,
 Azlina Mohd Mydin

Bronze Medal

i - IDeA 2018

UiTM Cawangan Perlis
Pop! Pop! Learning
 Wan Anisha Wan Mohammad,
 Azlina Mohd Mydin, Zuraira Libasin,
 Rafizah Kechil, Siti Nurleena Abu Mansor

Silver Medal

i - IDeA 2018

UiTM Cawangan Perlis
ACKIT - Easy and Convenient
 Azlina Mohd Mydin,
 Wan Anisha Wan Mohammad,
 Rafizah Kechil, Zuraira Libasin,
 Siti Nurleena Abu Mansor

Bronze Medal

iTAC 2018

UiTM Cawangan Kedah
Interactive Learning Style Assessment (iLeSA) Desk Module
 Siti Nurleena Abu Mansor,
 Mahanim Omar, Siti Mariam Saad

Bronze Medal

INDES 2018

UiTM Cawangan Perak
ICE CAL KIT
 Norshuhada Samsudin, Sharifah Sarimah Syed Abdullah,
 Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri,
 Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly,
 Noor Azizah Mazeni, Nur Azimah Idris

Diamond Medal

InIIC Series 2/2018

MNNF Network
COREs : An Online Conference Registration System
 Saiful Nizam Warris, Naemah Abdul Wahab,
 Jamal Othman, Siti Balqis Mahlan,
 Mohd Fahmi Zahari

Gold Medal

iCompEx'18

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
 Jitra, Kedah
Magic Diamond Waterfall Card: Menghafal dan Mudah Belajar Pembezaan Fungsi Trigonometri
 Fadzilawani Astifar Alias, Maisurah Shamsuddin,
 Muniroh Hamat, Siti Asmah Mohamed,
 Mohd Syafiq Abdul Rahman,
 Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri,
 Nurhafizah Ahmad

Gold Medal

InIIC Series 2/2018

MNNF Network
eZakat UiTMPP : Improving Zakat Distribution System in UiTMPP
 Muhammad Che Saad,
 Saiful Nizam Warris,
 Naemah Abdul Wahab,
 Jamal Othman,
 Mohd Hisyam Mohd Radzi

Bronze Medal

CONDEV 2018

UiTM Shah Alam
MOOC - Computer Programming and Applications
 Wan Anisha Wan Mohammad, Saiful Nizam Warris,
 Azlina Mohd Mydin, Syarifah Adilah Mohamed Yusoff(Dr),
 Mohd Saifulnizam Abu Bakar

Bronze Medal

SIGG 2018

UUM, Sintok, Kedah
Ketingting Think Game
 Mahanim Omar, Siti Mariam binti Saad,
 Siti Nurleena Abu Mansor



TAHNIAH

JSKM mengucapkan syabas dan tahniah di atas kenaikan pangkat. Diharap dengan pencapaian ini akan menjadi galakan kepada usaha peningkatan prestasi dan kerjaya yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Profesor Madya

Prof Madya Dr. Ahmad Zia Ul-Saufie Bin Mohamad Japeri

Pensyarah Kanan

Puan Mahanim Omar

En. Mawardi Omar

Puan Farah Hayati Mustafa

Puan Sharifah Sarimah Syed Abdullah

Puan Norshuhada Samsudin

Puan Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly


Bengkel Plan Tindakan Perancangan Strategik JSKM 2018/2019

Disediakan oleh: Rafizah Kechil

Pada 6 Februari 2018, telah berlangsungnya Bengkel Perancangan Strategik JSKM 2018 di Bilik Perdana I, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seramai 41 orang pensyarah JSKM terlibat dalam bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pensyarah JSKM untuk melibatkan diri secara langsung dalam merancang aktiviti yang akan dianjurkan oleh JSKM sepanjang tahun 2018 dan 2019. Secara tidak langsung bengkel ini dapat memastikan staf JSKM memahami hala tuju UiTM menjelang 2020. Aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan 7 teras berikut:

- i) Teras 1 - Pengajaran Dan Pembelajaran
- ii) Teras 2 - Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersilan
- iii) Teras 3 - Akademia, Industri Dan Masyarakat
- iv) Teras 4 - Infrastruktur & Infostruktur Yang Lestari
- v) Teras 5 - Pengurusan Dan Pengukuhan Kewangan Profesional
- vi) Teras 6 – Kepimpinan
- vii) Teras 7 - Keusahawanan

Peserta bengkel dibahagikan kepada 7 kumpulan mengikut teras. Selepas perbincangan selesai, wakil bagi setiap teras diminta untuk membentangkan hasil perbincangan. Hasil dari bengkel ini akan menjadi garis panduan kepada pensyarah JSKM untuk menganjurkan aktiviti sepanjang tahun 2018 dan 2019.





Course Teaching Experience Sharing Session (CTESS)

Disediakan oleh: Rafizah Kechil

Pada 9 dan 23 Mac 2018, telah berlangsungnya Course Teaching Experience Sharing Session (CTESS) di Bilik Perdana I, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seramai 4 orang pensyarah senior JSKM dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka mengajar subjek matematik di peringkat ijazah. Mereka ialah Encik Cheng Peng yang berkongsi pengalaman mengajar kod MAT455 (Further Calculus for Engineers), Hajah Faridah Hussin menyampaikan ceramah beliau berkenaan kod kursus MAT480 (Further Differential Equations), Puan Shakirah Mohd Abd Rahman berkongsi mengenai kod kursus MAT565 (Advanced Differential Equations) dan Prof. Madya Sarina Md. Jam pula berkongsi pengalaman beliau mengajar kod kursus MAT575 (Introduction to Numerical Analysis). Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada pensyarah matematik menimba ilmu daripada pensyarah berpengalaman memandangkan ada antara mereka yang akan bersara dalam masa terdekat. Pensyarah yang hadir mendapat banyak input berguna yang dikongsi oleh pensyarah-pensyarah senior ini. Pelbagai teknik mengajar juga dikongsi bagi memudahkan pensyarah yang baru mengajar memahami setiap topik.



BENGKEL PEMANTAPAN ASAS KALKULUS

Disediakan oleh: Nurhafizah Ahmad

Pada 30 Mac 2018, jam 2.30 petang sehingga 5.00 petang, sebahagian kecil daripada pelajar EM110 telah hadir ke Bengkel Pemantapan Asas Kalkulus. Bengkel ini dikhaskan untuk pelajar - pelajar yang mengambil kursus *Calculus 2* bagi semester Mac - Julai 2018. Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuhkan asas kalkulus di kalangan pelajar yang mengulang. Bengkel ini juga diharapkan dapat membantu pelajar mengenalpasti masalah dalam kalkulus supaya kesalahan yang sama tidak berulang. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan tentang teknik menjawab soalan dengan mudah dan betul.

Dengan hasrat yang harmoni, bengkel ini berjaya diadakan dengan kerjasama semua pensyarah-pensyarah MAT235 sebagai ahli jawatankuasa program dan dengan peruntukan TAPA yang diluluskan untuk pembiayaan minum petang peserta semasa bengkel ini berlangsung. Seramai 120 orang peserta berjaya menghadirkan diri ke bengkel ini, sekaligus mencatatkan peratusan kehadiran sebanyak 95%. Bengkel ini dimulakan dengan edaran modul kepada peserta dan mereka diberi masa untuk menjawab dahulu selama 45 minit. Selepas itu, sesi perbincangan intensif dengan dibantu oleh fasilitator. Fasilitator membantu peserta bengkel dalam menyelesaikan latihan mengikut modul yang telah ditetapkan. Di akhir bengkel, peserta diberi borang maklumbalas, minum petang dan juga kupon aktiviti.



Bengkel ini juga mendapat maklumbalas yang sangat baik daripada peserta dimana kebanyakan peserta mencadangkan diadakan bengkel seperti ini setiap bulan. Ada juga peserta yang ingin bengkel ini diteruskan dengan menambah bilangan fasilitator untuk memudahkan proses pembelajaran. Maklumbalas yang baik ini diharapkan dapat membantu pihak ahli jawatankuasa program untuk meningkatkan lagi kualiti program yang bakal dianjurkan.

Ucapan terima kasih kepada semua pensyarah JSKM yang terlibat sebagai AJK dan Fasilitator kerana berganding bahu dan bekerjasama dalam menjayakan Bengkel Pemantapan Asas Kalkulus.

Level Up Your Calculus

Disediakan oleh: Ahmad Rashidi bin Azudin



Pada **30 Mac 2018**, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) telah menganjurkan bengkel **“Level Up Your Calculus”** di BKBA 2.5, UiTM Permatang Pauh. Bengkel ini bermula pada pukul **2:15 petang** dan berakhir pada pukul **5:00 petang**.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengukuhkan kemahiran asas mahasiswa dalam algebra dan kalkulus, meningkatkan minat dalam matematik, serta membantu mahasiswa dalam persediaan menghadapi Ujian 1 bagi sesi Mac – Julai 2018. Seramai 66 mahasiswa terlibat sebagai peserta. Mereka dibantu oleh 5 orang pensyarah Matematik yang sangat berkaliber dan berwibawa.



5 pengisian aktiviti telah dilaksanakan dalam bengkel ini bagi memastikan penganjurannya mencapai objektif yang disasarkan. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah *Challenge Your Limit*, *Can You Solve It?*, *Spot the Error*, *Factorise in Seconds*, dan *Wreck Your Brain*. Mahasiswa yang terlibat dibahagikan kepada 12 kumpulan kecil untuk setiap aktiviti.

Melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut, mahasiswa dapat mengait dan mengaplikasi teknik-teknik asas Matematik dalam suasana pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran dan kefahaman mereka terhadap asas Matematik

PROGRAM BRIDGING GAP2 FKM

Disediakan oleh: Dr Nor Hanim Abd Rahman

Program *Bridging Gap-2* anjuran Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah diadakan pada 9 Mac 2018 di Bilik Mesyuarat FKM, UiTM Cawangan Pulau Pinang selama dua jam (9 - 11pagi). Program ini dilaksanakan khusus bagi pelajar-pelajar penerapan diploma bagi memberikan penerangan ringkas sebagai persiapan menghadapi subjek lanjutan kalkulus semester tiga.

Antara objektif perlaksanaan program ini adalah: (1) Mendedahkan kesalahan-kesalahan kebiasaan dalam matematik dan kalkulus yang selalu dilakukan oleh pelajar atau "Common Errors". (2) Memperkukuhkan asas pelajar dalam konsep triginometri.



Program dimulakan dengan penerangan ringkas dari Dr Nor Hanim berkaitan kesalahan-kesalahan umum matematik yang sering dilakukan oleh pelajar, khasnya di UiTM. Diikuti dengan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh Encik Cheng, Puan Chew dan Puan Rafizah. Seramai 14 orang pelajar telah berjaya menghadirkan diri. Mereka ini dibahagikan kepada 3 kumpulan bagi memudahkan pemantauan. Mereka diberikan sampel skrip jawapan pelajar menjawab soalan peperiksaan akhir dan bertanggungjawab mengenalpasti kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh mereka. Seterusnya, Encik Cheng, Puan Chew dan Puan Rafizah memberikan penerangan serta sesi perbincangan bagi mengenalpasti kesalahan dalam sampel skrip yang diberikan. Pelajar-pelajar sedang menumpu perhatian terhadap taklimat yang diberikan.



Kesimpulan yang dapat dibuat dari program ini adalah program yang harus diteruskan untuk semester-semester akan datang. Namun, masa yang diperuntukkan perlulah lebih panjang agar lebih banyak topik yang berkaitan dengan MAT455 dapat diketengahkan dan diberikan penerangan dan latihan preview yang sewajarnya bagi memaksimumkan impak program ini.



PROGRAM TADARUS AL-QURAN MUSLIMAH JSKM RAMADAN 1439H

Disediakan oleh: Siti Asmah Mohamed

RAMADAN kembali lagi. Seperti nikmat Allah SWT yang tidak pernah berkurang, begitulah Ramadan yang sentiasa dilimpahi rahmat kepada mereka yang mencarinya. Sabda Rasulullah SAW: Apabila tiba Ramadan, pintu-pintu rahmat akan dibuka (riwayat Muslim). Kehadiran bulan ini sentiasa dinanti-nantikan oleh jiwa-jiwa beriman yang kasih dan mengharapkan pengampunan Allah. Mereka yang menghidupkan amalan Ramadan dijanjikan dengan rahmat tanpa batasan dan diluaskan pintu keampunan. Sabda Rasulullah: Sesiapa yang mendirikan (menghidupkan) Ramadan dengan keimanan dan mengharap (keampunan), maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu. (riwayat al-Bukhari dan Muslim). Sehubungan dengan itu, Unit Kebajikan dan Kerohanian, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) telah mengambil inisiatif ini untuk menganjurkan Program Tadarus Al-Quran Muslimah JSKM 1439H sebagai satu usaha menghidupkan bulan Ramadan yang penuh barakah ini.

Sepertimana pada tahun-tahun lepas, program Tadarus Al-Quran Muslimah Peringkat JSKM diteruskan lagi pada tahun ini dan ianya telahpun dilaksanakan pada hari khamis, 17 Mei 2018 bersamaan 1 Ramadhan 1439H bertempat di Bilik Rehat Pensyarah tingkat 4, Kompleks Perdana bermula jam 12:00 tengahari hingga 1:30 petang. Program tadarus ini juga turut disertai oleh staf dari Jabatan Sains Gunaan, JSG dan Akademi Pengajian Bahasa.



Program ini mempunyai objektif untuk membudayakan amalan bertadarus Al-Quran di kalangan staf sepanjang bulan Ramadan serta dapat memperbaiki hukum tajwid dan mempertingkatkan kualiti bacaan disamping merapatkan ukhuwwah di kalangan staf. Tadarus diadakan secara kelompok kecil sepanjang bulan ramadhan. Manakala Majlis Khatam diadakan pada 11 Jun 2018 bersamaan 25 Ramadan 1439H setelah tamat bertadarus 30 juzuk Al-Quran.

Maksud “tadarus” ialah saling mempelajari Al-Quran iaitu seorang membaca dan yang lain mendengar dan memerhati bacaannya. Setelah ia selesai membaca, disambung pula oleh orang lain. Dengan itu mereka yang mendengar akan mendapat pahala istima’ (mendengar tilawah /bacaan orang lain) dan mendapat pahala menegur jika sahabat yang membaca tersalah.

Firman Allah (bermaksud); “Dan apabila dibacakan Al-Quran, maka dengarkanlah (baik-baik) dan perhatikanlah dengan tenang, agar kamu mendapat rahmat”

(Surah al-A’raf, ayat 204)

Sabda Nabi s.a.w.; (bermaksud); “Sesiapa yang mendengar dengan teliti satu ayat dari kitab Allah (Al-Quran), ditulis baginya dengan kebaikan yang berganda-ganda dan sesiapa yang membacanya maka ia akan menjadi cahaya untuknya dihari kiamat”.

(Riwayat Imam Ahmad dari Abu Hurairah r.a.)

Begitulah hebatnya apabila kita membaca dan bertadarus Al Quran kerana ia akan menjadi pelindung ketika kita berada di alam barzakh yang pada ketika itu, tiada sesiapa yang boleh menolong dan membantu melainkan amalan-amalan soleh yang dibawa bersama semasa kita mengerjakannya di dunia dahulu. Semoga program tadarus ini akan diteruskan lagi pada Ramadan akan datang dan budaya membaca Al-Quran terus diterapkan sebagai amalan seharian kita sebagai seorang muslim yang beriman. InsyAllah.

JAMUAN RAYA BERSAMA WARGA EMAS

RUMAH CAHAYA SG. TENGAS

Disediakan oleh: Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri



Pada 28 Jun 2018, Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) telah mengadakan satu program khidmat masyarakat iaitu jamuan raya bersama warga emas Rumah Cahaya di Sg. Tengas, Kulim Kedah. Sempena Syawal 1439H, pihak JSKM mengambil inisiatif untuk meraikan warga emas bagi memupuk sikap prihatin kepada masyarakat tanpa mengira usia, bangsa dan agama.

Seramai 10 orang warga emas yang menetap di Rumah Cahaya iaitu seorang penghuni lelaki dan 9 orang penghuni wanita telah dirai dalam program ini. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Penghulu Mukim Terap, En Nurhafiz Bin Harun dan Imam Masjid Jamek Sg Tengas, Haji Sulaiman. En Nurhafiz juga telah menyampaikan ucapan alu-aluan serta menceritakan serba sedikit latar belakang mengenai Rumah Cahaya seperti sejarah penubuhan dan aktiviti – aktiviti yang pernah dijalankan di Rumah Cahaya.

Aktiviti lain yang diadakan semasa berlangsungnya program jamuan raya ini ialah aktiviti ramah mesra antara warga Rumah Cahaya dan warga JSKM iaitu aktiviti membuat kuih siput. Puan Hamidah Binti Din, salah seorang penghuni Rumah Cahaya telah menyiapkan doh kuih siput sebelum program berlangsung manakala warga JSKM bergotong-royong menggentel doh tersebut supaya menjadi kuih siput dan kuih siput yang telah siap digoreng dihidangkan semasa jamuan makan untuk dinikmati oleh semua orang.

Selain itu, aktiviti penyampaian duit raya dan barangan sumbangan juga turut disempurnakan oleh Koordinator JSKM, Puan Muniroh Binti Hamat. Penyampaian duit raya dan barangan sumbangan ini adalah hasil daripada kutipan derma yang telah dijalankan sepanjang bulan Ramadan 1439H yang lepas.

Dengan adanya program jamuan raya bersama warga emas ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran akan tanggungjawab sosial di samping mengukuhkan hubungan ukhuwah sesama manusia serta secara tidak langsung dapat mempromosikan UiTM kepada penduduk setempat.




Bengkel ToT UED101

Disediakan oleh: Nur Azimah Idris

Pada 2 Julai 2018 telah diadakan bengkel untuk melatih dan mendedahkan para pensyarah Jabatan Sains Matematik (JSKM) dan Jabatan Sains Gunaan (JSG) mengenai kod kursus UED101, "Mathematical Thinking for Novices". Bengkel ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat JSKM dan JSG, Aras 3, Laman Perdana selama 3 jam bermula dari 9 pagi. Penganjur bengkel ini adalah JSKM di mana tiga fasilitator yang terlibat adalah Puan Siti Mariam Binti Saad, Encik Mohd Syafiq Bin Abdul Rahman dan Cik Nur Azimah Binti Idris.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk menerangkan sekaligus membimbing pensyarah-pensyarah JSG terutamanya yang bakal mengajar kod kursus ini bagi sesi Interim Julai – Ogos 2018. Seramai 22 orang peserta terdiri daripada pensyarah-pensyarah JSKM dan JSG menyertai bengkel ini. Daripada jumlah tersebut, tujuh orang pensyarah JSG akan terlibat bagi sesi interim ini. Pelajar-pelajar yang akan mengambil kod kursus ini adalah pelajar-pelajar diploma dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.



Bengkel dimulakan dengan kata-kata aluan dari Koordinator JSKM, Puan Muniroh Binti Hamat. Seterusnya, para peserta diberi masa untuk menjawab "Pre-test". Usai ujian tersebut, para peserta diminta untuk menerangkan cara kerja serta kaedah yang digunakan semasa menyelesaikan soalan-soalan yang telah diberikan dengan bimbingan dari fasilitator-fasilitator.



Kemudian, Cik Nur Azimah menerangkan mengenai silibus dan gerak kerja sepanjang empat minggu sesi interim. Terdapat perubahan berbanding tahun lalu kerana sesi interim telah dipendekkan dari 7 minggu ke 4 minggu pada kali ini.

Bengkel diteruskan dengan membahagikan para peserta kepada kumpulan-kumpulan kecil. Aktiviti yang pertama adalah membina jambatan menggunakan alatan-alatan yang diberikan iaitu 15 keping surat khabar dan segulung selotape dalam masa 30 minit. Para peserta telah diberikan penerangan mengenai ciri-ciri jambatan yang dikehendaki oleh fasilitator.



Seterusnya, setiap kumpulan dikehendaki menyelesaikan empat aktiviti berkumpulan yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah Sudoku, "Pattern", "Break The Code", dan "Guess The Operations".

Bengkel diakhiri dengan sesi soal jawab di antara para peserta dan fasilitator. JSKM mengucapkan selamat maju jaya kepada para pensyarah JSQ yang akan mengajar pada sesi interim akan datang.

RIADAH SANTAI JSKM 2018

Disediakan oleh: Patan Jr.

Pada tanggal 14 Ogos 2018 telah berlangsungnya Riadah Santai JSKM 2018. Program ini merupakan program tahunan JSKM. Program ini bertujuan merapatkan silaturrahim di kalangan pensyarah JSKM. Program Riadah Santai JSKM 2018 ini mempunyai 2 aktiviti utama iaitu aktiviti senaman bersama warga JSKM yang diketuai oleh Encik Cheng Siak Peng dan Encik Mohad Syafiq dan pertandingan bowling di Mydin Jalan Baru, Pulau Pinang.



Program riadah ini juga memberi impak yang baik dalam budaya gaya hidup sihat serta meningkatkan *happiness index* di kalangan pensyarah JSKM. Di samping itu juga, menurut *health fitness revolution* (2018) menyatakan 10 kelebihan bermain bowling kepada kesihatan manusia antaranya ialah membantu otot lebih baik, meningkatkan kehidupan sosial, meningkatkan daya penempunan dan mengurangkan stress di kalangan staf dan sesuai di semua peringkat. Diharapkan dengan aktiviti ini menarik minat staf JSKM dalam mengamalkan cara hidup sihat dan merapatkan silaturrahim di kalangan warga JSKM.




SEBUAH KAMUS**SERIBU MAKNA 2.0****(SIRI 2)**

Oleh: Rozita Kadar



Pada 16 Ogos 2018 telah berlangsungnya program **Sebuah Kamus Seribu Makna 2.0 (Siri 2)** di Madrasah Al-Aminiah, Permatang Nibong, Pulau Pinang. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi sumbangan kamus kepada para pelajar untuk membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris. Kumpulan sasaran program ini adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada para pelajar Tahun Empat dan Tahun Lima Madrasah Al-Aminiah. Program ini adalah merupakan satu program khidmat masyarakat yang dianjurkan secara kolaborasi tiga jabatan iaitu Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Jabatan Sains Gunaan dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini berorientasikan penyampaian ilmu secara berterusan di sekitar negeri-negeri zon Utara.

Program ini diberikan nama 'Sebuah Kamus Seribu Makna' kerana program ini membawa maksud setiap sebuah kamus yang diberi akan memberikan begitu banyak makna sama ada kepada penyumbang kamus mahupun penerima kamus itu sendiri yang digambarkan dalam istilah, 'seribu makna.' Ungkapan, 'seribu makna' itu juga merujuk kepada fungsi sebuah kamus yang mengandungi beribu perkataan dan maksud untuk perkataan-perkataan tersebut. Oleh yang demikian, program 'Sebuah Kamus Seribu Makna' ini diharapkan mampu mencapai objektifnya dan benar-benar bermakna buat pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



Program ini telah dirasmikan oleh Mudir Madrasah Al-Aminiah, Ustaz Hj Azamuddin Bin Alang Hamzah dan turut dihadiri beberapa guru Madrasah Al-Aminiah. Selepas berlangsungnya acara perasmian, para peserta diberi taklimat aktiviti yang akan dijalankan. Acara diteruskan dengan pemberian kamus kepada para peserta.

Aktiviti bermula tepat jam 10:00 pagi dan berakhir pada 12:30 tengahari. Aktiviti menarik yang dijalankan semasa berlangsungnya program ini ialah *ice-breaking* diikuti dengan aktiviti *Fun with English, Science and; Mathematics & Computer* yang diadakan sebanyak tiga sesi dimana setiap sesi diperuntukan selama 30 minit. Aktiviti-aktiviti ini adalah untuk memahirkan para pelajar dengan penggunaan kamus serta menambahkan minat untuk mempelajari Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Program diakhiri dengan ucapan penutup oleh Koordinator Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Pn. Muniroh Hamat diikuti pemberian cenderahati kepada para pelajar. Walaupun program ini dijalankan dalam jangkamasa yang terhad tetapi program ini berjaya mencapai objektif yang diharapkan.



PROGRAM MENTOR-MENTEE DI BAWAH INISIATIF PENGUKUHAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

Disediakan Oleh: Nur Azimah Binti Idris

Program anjuran UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) ini telah diadakan pada 3 September 2018 bertempat di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pelajar-pelajar yang terlibat terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan 2 sekitar Pulau Pinang. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar bahawa subjek sains adalah subjek yang mudah dan sangat berkait dengan kehidupan seharian. Aktiviti yang telah diadakan terbahagi kepada tiga kluster iaitu Matematik, Sains dan Kejuruteraan. JSKM turut terlibat di dalam pelaksanaan program ini sebagai ahli-ahli jawatankuasa serta ahli kluster Matematik. Pelajar-pelajar UiTM CPP turut terlibat di dalam program ini sebagai fasilitator.





Aktiviti-aktiviti yang dijalankan melibatkan aplikasi-aplikasi dalam bidang-bidang tersebut bagi menarik minat pelajar dalam subjek berteraskan sains dan matematik. Selain itu, modul berasingan turut dibangunkan bagi pengisian guru-guru semasa program berlangsung. Ini adalah usaha untuk melibatkan guru-guru di dalam program ini di samping dapat mencetuskan idea kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih kreatif dan ceria.



Pelajar-pelajar sekolah telah dibahagikan kepada 30 buah kumpulan di mana pelajar-pelajar dari 3 buah sekolah bergabung membentuk sebuah kumpulan. Program dimulakan dengan ucapan serta penerangan ringkas dari Pengarah program iaitu, Encik Harris Ooi Abdullah dari Jabatan Sains Gunaan. Selepas itu, aktiviti-aktiviti dijalankan mengikut kluster di mana pelajar-pelajar sekolah dipecahkan kepada tiga kumpulan besar. Setiap kumpulan besar ini bergilir-gilir melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti mengikut kluster.

Perasmian dan penutup telah diadakan di akhir program. Sesi penyampaian hadiah turut diadakan bagi meraikan tiga kumpulan terbaik sepanjang program ini berlangsung. Akhir sekali, semua ahli jawatankuasa, fasilitator, pelajar sekolah dan guru bergambar sebelum majlis bersurai. Diharap pada masa akan datang, program sebegini akan terus dilaksanakan serta mendapat kerjasama dari JPNPP.

PROGRAM BRIDGING GAP3 FKM 2018

Disediakan oleh: Dr Nor Hanim Abd Rahman

Bengkel ini berlangsung pada 6 September, 2018 (Khamis) di Bilik Seminar, Tingkat 3, Kolej Delima. Seramai 59 orang pelajar dijangka menghadiri bengkel tersebut, walaubagaimaapun hanya 50 pelajar yang menghadirkan diri. Terdapat dua sesi program buat kali ini, dan sesi-sesi ini telah dikendalikan oleh staf-staf JSKM seramai 10 orang. Fasilitator JSKM yang terlibat bagi sesi pagi terdiri daripada Dr Nor Hanim Abd Rahman (ketua), Pn. Siti Asmah Muhamed (Penyelaras Kod Mat455), Pn. Rafizah Kechil, En. Cheng Siak Peng, Pn. Norshuhadah Samsudin dan Pn. Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri. Manakala bagi sesi petang, petugas terdiri daripada Pn. Chew Yee Ming (ketua), PM. Sarina Md Jam, Pn. Salina Hamid dan Pn. Fadzilawani Astifar Alias.

Tiga objektif utama program ini adalah seperti berikut:

- (1) Sebagai usaha merapatkan jurang ilmu 59 orang pelajar penerapan, khasnya bagi kod MAT455.
- (2) Sebagai program ulangkaji dan preview bagi pelajar-pelajar penerapan. Tajuk yang ditekankan buat kali ni adalah:
 - i) Common Errors, ii) Sketch Graphs, iii) Matrix (determinant) dan iv) Basic Vectors
- (3) LDK juga diadakan di akhir setiap sesi bagi proses pemantapan kefahaman Pelajar.





Walaupun tiada peruntukan kewangan disediakan oleh pihak fakulti. Staf-staf JSKM yang terlibat telah berusaha untuk menjalankan amanah ini sebaik mungkin. Antara masalah yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti ini adalah kumpulan pelajar yang besar; dan keduanya, terdapat banyak topik yang perlu disentuh dalam masa yang singkat yang diperuntukan.

Penambahbaikan yang disarankan untuk program seperti ini di masa-masa akan datang adalah dengan merangka modul khas untuk program Bridging Gap FKM.

Kesimpulan yang dapat diambil dari program ini adalah: Pertama, ianya merupakan usaha yang amat baik oleh pihak FKM dengan melibatkan JSKM bagi memastikan pelajar penerapan mendapat 'kesedaran' tajuk-tajuk yang akan dipelajari di peringkat awal semester. Seterusnya, dapat mengurangkan kadar kegagalan di akhir semester kelak. Keduanya, untuk mendapatkan impak yang lebih positif bagi jangka masa panjang pihak FKM wajib menambah semula silibus matrix dan vector bagi pelajar diploma, atau mengadakan subjek khas semasa di peringkat ijazah semester 1.





Pada 14 September 2018, Program Bebas Kanser dijalankan di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang. Jabatan Sains Komputer Dan Matematik menjadi pengelola program khidmad masyarakat ini. "Cancer: Knowing Its Existence Is Not Enough" merupakan tema yang diketengahkan dalam program ini. Program ini berjaya dilaksanakan dengan mendapat kerjasama dengan pihak Hospital Seberang Jaya (HSJ) dan Pejabat Daerah Kesihatan Seberang Perai Tengah (PSK SPT).

Fokus utama program ini adalah memberi pendedahkan tentang penyakit kanser yang semakin menular dikalangan masyarakat kita. Satu sesi forum Bebas Kanser dibincangkan oleh panel-panel penceramah dari HSJ dan PKD SPT. Seorang pesakit kanser juga tampil untuk berkongsi pengalaman beliau. Banyak pengisian maklumat yang boleh diperolehi daripada sesi forum tersebut. Antara fakta-fakta yang diketengahkan adalah cara-cara mendapatkan rawatan awal untuk mengenali kanser, cara pemakanan yang perlu diamalkan untuk mengelak dan mengawal penyakit kanser ini. Selain sesi forum, banyak lagi aktiviti sampingan yang dijalankan dalam program ini antaranya adalah saringan kesihatan, derma darah, ikrar menderma organ dan pemeriksaan 'pap smear'. Selain daripada aktiviti ini, pameran kesihatan diadakan bagi membuka peluang warga kampus untuk meningkatkan pengetahuan tentang isu-isu kesihatan.

Seramai 900 warga kampus telah menghadiri program ini. Kebanyakannya terdiri daripada pelajar. Masyarakat setempat juga turut serta didalam program ini. Mereka yang hadir berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti yang dijalankan. Tuan Rektor Prof Madya Ir Dr Mohd Hisbany Mohd Hashim telah merasmikan program

ini. Program ini turut dihadiri oleh Prof Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), dan Dr Nor Aziyah binti Bakhari Timbalan Rektor PJIM&A. Semoga program ini diharapkan memberi pendedahan serta perkongsian maklumat kepada warga kampus dan masyarakat setempat tentang penyakit kanser.

PROGRAM BERJALAN 10 RIBU LANGKAH DAN PLOGGING

Oleh: Mohd Saifulnizam Abu Bakar

Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) telah terpilih untuk menganjurkan Program Berjalan 10 Ribu Langkah dan Plogging untuk bulan September. Tarikh 26 September 2018 (RABU) dipilih sebagai menggalakkan pelajar Ijazah terlibat dalam pengisian Wisdom Wednesday mengambil bahagian dalam program ini. Program ini adalah program bulanan yang dijalankan bagi memupuk gaya hidup sihat dikalangan rakyat Malaysia. Dengan berjalan 10 ribu langkah bersamaan 5 km, ia dapat memberikan senaman yang diperlukan oleh seseorang dalam meningkatkan kesihatan badan.

Dengan tema ‘10,000 Langkah Saya Untuk ...’, program ini menggalakkan staf dan pelajar mendedikasikan langkah mereka kepada sesiapa yang istimewa pada mereka. Jualan kad dedikasi dijalankan dengan hasil jualan disumbangkan kepada tabung kebajikan staf. Seramai 180 staf dan pelajar telah menyertai program ini yang bermula jam 8.00 pagi sehingga 10.00 pagi.





Program yang disertai oleh Yang Berbahagia Tuan Rektor, Prof Madya Ts Dr Mohd Hisbany Mohd Hashim dan Timbalan Rektor HEA, Prof Madya Ir Dr Ahmad Rashidy Razali dimulai dengan senaman Xi Gong yang dikendalikan oleh pensyarah JSKM sendiri, Encik Cheng Siak Peng. Kemudian semua berjalan beramai-ramai mengikut trek langkah yang disediakan, sambil berjalan peserta dibekalkan dengan beg plastik untuk mengutip sampah yang berdekatan dengan laluan perjalanan.

Setelah selesai program berjalan, Yang Berbahagia Tuan Rektor menyampaikan hadiah kepada 10 pemenang ucapan kreatif. Tempat pertama dimenangi oleh Puan Norain Isa dari Jabatan Sains Gunaan manakala Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) pula mendapat hadiah penyertaan peserta teramai kategori staf.




SHARING SESSION JSKM

Disediakan oleh: Kak M

‘Sharing Session’ adalah program yang di adakan pada setiap tahun di bawah unit latihan dan kepimpinan staf, Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM). Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada staf JSKM berkongsi pengalaman serta idea daripada hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing.

Pada tahun 2018, ‘Sharing Session’ diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan April dan September 2018. Program yang bertempat di Bilik Mesyuarat JSKM tingkat 3 Bangunan Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang ini telah disertai seramai 16 orang pembentang. Mereka telah membentangkan hasil kerja masing-masing yang terdiri daripada hasil penyelidikan, produk inovasi dan hasil dapatan dari kursus, latihan atau umum. Setiap pembentang diberi masa selama 10 minit untuk membentangkan hasil kajian mereka dan penonton diberi peluang untuk bertanyakan soalan yang berkaitan di akhir pembentangan.

Secara keseluruhannya, program pengkongsian ini telah memberi galakan, idea dan peluang untuk staf JSKM memperbanyakkan lagi penyelidikan dan inovasi untuk masa yang akan datang. Ia juga secara tidak langsung mengeratkan lagi silaturrahim di antara staf JSKM. InsyaaAllah, program ‘Sharing Session’ ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan lebih banyak lagi penyertaan, perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan daripada staf JSKM.



Pada 20 Oktober 2018, Program “Paddy Field Walk” telah dijalankan di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Kawasan sekitar Permatang Pauh. Jabatan Sains Komputer dan Matematik adalah penganjur bagi program larian ini. Selain itu, program ini turut mendapat bantuan daripada pihak Polis Bantuan UiTM, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Ibu Pejabat Polis Perda.

Selain aktiviti larian, program ini adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan antara masyarakat setempat dan juga warga kampus. Program ini juga dapat menjana pendapatan bagi jabatan dan UiTM Cawangan Pulau Pinang. Di samping itu, program ini dapat memupuk semangat kerjasama dan tolong-menolong antara semua AJK yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan program ini. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti seumpama ini, para peserta juga boleh mendapatkan ilmu berkenaan sukan dan kesihatan selain dapat menghilangkan stress dan menyihatkan tubuh badan dengan menyertai larian.



Dengan jarak larian hampir 6km dan ‘flag off’ bermula dari UiTM dan seterusnya ke kawasan sekitar Permatang Pauh, program ini disertai oleh seramai 300 peserta yang terdiri daripada para pelajar UiTM dan masyarakat setempat. Dengan yuran untuk dewasa sebanyak RM45 dan untuk para pelajar RM40, para peserta diberi bag tali, kemeja T dan medal. Selain larian, program ini turut dimeriahkan lagi dengan senamrobik, aktiviti STEM oleh JSG dan JSKM, cabutan bertuah dan pameran daripada JKP. Program ini dirasmikan oleh Prof Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), dengan kehadiran Dr Nor Aziyah binti Bakhari Timbalan Rektor PJIM & A dan Dr Siti Nur Fadzillah, Timbalan Rektor UiTM Bertam.



Oleh: Wan Anisha Wan Mohammad

SHARING SESSION PART 1

STATISTICS JSKM 2018

Disediakan oleh: Nurhafizah Ahmad.

Pada 24 Oktober 2018 yang lalu, jam 3.00 petang sehingga 5.00 petang, semua pensyarah Statistik JSKM berpeluang menghadiri satu program perkongsian ilmu. Perkongsian ilmu ini melibatkan pembentangan enam orang pensyarah Statistik untuk sesi pertama. Setiap pembentang diberi masa 10 – 15 minit untuk berkongsi ilmu statistik masing – masing. Sesi seterusnya akan diadakan pada semester hadapan.

Program ini memberi impak yang sangat positif, di mana pembentang akan berkongsi idea dan pengetahuan statistik dengan peserta lain. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik statistik yang jarang digunakan. Penambahan input baru dalam perkongsian ilmu ini diharapkan dapat memberi semangat dan cabaran baru dalam penyelidikan peserta. Tambahan pula, dengan adanya program seperti ini, peserta akan dapat mengasah bakat sebagai pembentang dalam kumpulan kecil.



Dengan kerjasama yang padu dari peserta dan pembentang, program ini telah berjaya membuka minda peserta yang hadir, selain dapat berkongsi idea dan ilmu statistik. Program ini juga mendapat maklumbalas yang sangat baik daripada peserta di mana kebanyakan peserta mencadangkan program ini diadakan setiap semester.

Maklumbalas yang baik ini diharapkan dapat membantu pihak ahli jawatankuasa program untuk meningkatkan lagi kualiti program yang bakal dianjurkan. Ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Statistik JSKM yang terlibat sebagai AJK, pembentang dan peserta kerana berganding bahu dan bekerjasama dalam menjayakan Sharing Session Part 1 Statistics JSKM. Jumpa lagi di sesi ke 2. Terima kasih.

BENGKEL CANTAS GAGAL 3

Disediakan Oleh: Noor Azizah Mazeni

Pada 16 November 2018, jam 2.30 petang hingga 5.00 petang, telah diadakan Bengkel Cantas Gagal 3.0 di bilik-bilik Kuliah BKBA UiTM Cawangan Pulau Pinang. Bengkel ini melibatkan pelajar-pelajar yang pernah mengulang kursus *Calculus 2* (MAT235) atau *Calculus 1* (Mat183) dan telah mendaftar bagi kod kursus MAT235 bagi sesi September 2018 iaitu seramai 84 orang. Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuhkan asas kalkulus di kalangan pelajar yang mengulang dan juga diharapkan dapat membantu pelajar mengenalpasti masalah dalam kalkulus supaya kesalahan yang sama tidak berulang. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan tentang teknik menjawab soalan dengan mudah dan betul.

Bengkel ini telah berjaya diadakan dengan kerjasama semua pensyarah MAT235 sebagai ahli jawatankuasa program dan dengan kelulusan peruntukan TAPA bagi pembiayaan minum petang pelajar semasa bengkel ini berlangsung. Sepanjang bengkel ini, para pensyarah membantu pelajar dalam menyelesaikan soalan-soalan yang telah disediakan disamping mengenalpasti kelemahan mereka. Soalan-soalan bagi topik-topik terpilih telah disediakan oleh pensyarah terlibat.



Bengkel ini juga telah mendapat maklumbalas yang sangat baik daripada pelajar dimana secara keseluruhannya, majoriti pelajar menyatakan bahawa mereka menguasai dan memahami ilmu kalkulus dengan baik. Kebanyakan pelajar mencadangkan agar bengkel seperti ini dilaksanakan di awal semester supaya pelajar dapat merancang pembelajaran mereka dengan lebih baik. Di samping itu, topik yang dibincangkan sepanjang sesi bengkel juga telah menarik minat pelajar untuk memahami ilmu kalkulus dengan lebih baik. Maklumbalas yang baik ini diharapkan dapat membantu pihak ahli jawatankuasa program untuk meningkatkan lagi kualiti program yang bakal dianjurkan.



Ucapan terima kasih kepada semua pensyarah JSKM yang terlibat kerana memberi kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan Bengkel Cantas Gagal 3.0. Para pensyarah mengharapkan agar para pelajar menghargai peluang yang diberikan dan berusaha sehabis baik demi masa depan yang lebih cemerlang.



Satu program 'Maths Camp' anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik telah diadakan pada 5 dan 6 Disember 2018 bertempat di Pusat Islam, UiTM cawangan Pulau Pinang. Program ini terbuka kepada pelajar sekolah rendah yang berumur di antara 8 hingga 11 tahun bagi mengisi masa cuti sekolah mereka dan seramai 36 orang pelajar telah mendaftar sebagai peserta. Objektif utama program ini diadakan adalah bagi memupuk minat pelajar sekolah terhadap matematik dengan menterjemahkan pengajaran matematik ini dengan kaedah yang lebih santai. Secara tidak langsung, program ini dapat meningkatkan keyakinan, pengetahuan dan kemampuan pelajar dalam bidang matematik.



Disediakan oleh: Kak M

Program selama dua hari ini di penuh dengan pelbagai aktiviti yang menarik. Pada hari pertama, pelajar menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi. Antara aktiviti tersebut ialah "popcorn" matematik, "puzzle" matematik, "master your shopping", bijak sifir dan bermacam-macam lagi. Pada hari kedua pula, aktiviti seperti "explorace", "Tic Tac Toe" dan kuiz matematik menggunakan komputer dijalankan. Pelajar bukan sahaja menjalankan aktiviti secara bermain, tetapi mereka juga didedahkan dengan pelbagai kaedah bagi membantu pelajar memahami matematik dengan berkesan. Aktiviti - aktiviti ini juga membantu pelajar bergerak secara kumpulan dan dapat mengajar mereka bersaing dengan kumpulan lain secara sihat. Selain itu juga, peserta dapat bersaing secara individu dengan peserta lain dan secara tidak langsung, mereka akan dapat mengetahui kemampuan masing-masing dalam penyelesaian matematik.



Beberapa hadiah telah disediakan untuk setiap aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan atau individu. Kegembiraan di kalangan peserta terserlah apabila beberapa hadiah telah dimenangi dan telah dapat meningkatkan lagi semangat mereka untuk melaksanakan aktiviti yang seterusnya dengan lebih bersungguh-sungguh dan berjaya.

Secara keseluruhannya, program "Maths Camp" telah menyediakan aktiviti-aktiviti asas matematik yang menarik dan berfaedah kepada peserta. Aktiviti - aktiviti ini juga diharap dapat membantu pelajar meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik mahupun sosial. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNya semua aktiviti dapat dijalankan dengan lancar. Ada di antara peserta yang mengharapkan supaya program "Maths Camp" diadakan sekali lagi. InsyaaAllah, program seperti ini akan diteruskan untuk tahun 2019 dengan penambahbaikan yang lebih menarik.

AKTIVITI SUKAN BERSAMA JSG



**Sukan Pewani 2018 di
UiTM Melaka**

KONVENSYEN KIK

Disediakan oleh: Jamal Othman



Mini konvensyen KIK peringkat UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan pada 26 Julai 2018 di Dewan Delima, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sebanyak 5 kumpulan KIK telah menyertai konvensyen ini dengan 1 penyertaan masing-masing dari FKA, FKE, APB dan JSKM dan FPP.

JSKM yang diwakili oleh 8 orang staf akademik dan 2 orang staf HEA yang mewakili kumpulan D4 telah menjadi juara keseluruhan dalam konvensyen KIK tersebut. Kumpulan KIK D4 telah membangunkan Sistem Slip Peperiksaan yang Komprehensif yang mengandungi maklumat lengkap peperiksaan seperti tarikh, tempat dan no meja peperiksaan yang boleh dimuatturun oleh pelajar melalui smartphone telah menambat hati juri-juri pertandingan yang dinobatkan sebagai juara KIK. Kumpulan D4 telah memperolehi beberapa anugerah seperti berikut :-

- Juara Pertandingan Keseluruhan KIK
- Anugerah Kategori Pengurusan ICT Terbaik
- Anugerah Penjanaan Kos Terbaik
- Anugerah Fasilitator Terbaik yang dimenangi oleh Pn Suhaiza Hasan
- Anugerah Pembentang Lelaki Terbaik yang dimenangi oleh En Jamal Othman

Kumpulan D4 layak untuk mewakili UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi konvensyen KIK Zon Utara yang akan diadakan di UiTM Cawangan Perlis pada 26 dan 27 Sep 2018.





Konvensyen KIK Zon Utara 2018 telah dianjurkan oleh UiTM Cawangan Perlis selaku tuan rumah pada 26 dan 27 Sep 2018 di Dewan Seri Semarak UiTM Cawangan Perlis.

Sebanyak 10 kumpulan di peringkat Zon Utara telah menyertai konvensyen ini yang mana UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menghantar 5 kumpulan, UiTM Perlis hanya 1 kumpulan, Perak 3 kumpulan dan Kedah 1 kumpulan.

Kumpulan D4 telah dinobatkan sebagai juara bagi konvensyen ini.

Berikut adalah antara ringkasan anugerah yang telah diperolehi oleh kumpulan D4 pada konvensyen KIK Zon Utara 2018.

- ❖ Johan Keseluruhan
- ❖ Anugerah KIK Primer Inovasi Pengurusan (Penciptaan) Terbaik
- ❖ Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik
- ❖ Anugerah Penarafan - Emas
- ❖ Fasilitator Terbaik
- ❖ Pembentang Wanita Terbaik

Kumpulan D4 layak untuk bertanding di peringkat kebangsaan yang akan dianjurkan oleh UiTM Cawangan P.Pinang pada 4 hingga 6 Disember 2018.



Konvensyen Kebangsaan KIK UiTM 2018 telah dianjurkan oleh UiTM Cawangan Pulau Pinang selaku tuan rumah dengan kerjasama InQKA Shah Alam berlangsung pada 4 dan 5 Dis 2018 di Hotel Ixora, Seberang Perai, Pulau Pinang.

Sebanyak 20 kumpulan dari seluruh sistem UiTM telah menyertai konvensyen ini yang mana UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menghantar 2 kumpulan.

Kumpulan D4 telah mendapat 2 anugerah iaitu :-

- Anugerah Inovasi Terbaik bagi Kategori Pengurusan KIK Primer
- Anugerah Penarafan Emas


Kumpulan D4 layak bertanding di peringkat MPC dan IPTA yang akan dijadualkan pada tahun 2019.





Pantun Matematik

Oh matematik...
jiwa tidak tenang apabila namamu ku petik,
setiap langkah masa yang berdetik,
membuat aku jawab bahasamu ku terasa panik...



oh matematik...
walaupun kuguna kalkulator saintifik,
kujawab soalan mu dengan penuh dramatik,
namun soalan mu dihias dengan banyak taktik....

oh matematik...
mengapa kau ada semasa aku di sekolah,
kucuba menjauhkan darimu namun ku longlai ditarik,
apakan daya kucuba selami dengan gaya menarik.....



oh matematik...
mengapa jawapan mu selalu dikritik,
ku ingat kau hanya diguna dikedai plastik,
rupanya kehidupan seharian ku juga dengan matematik...



oh matematik..
ku buka mata ku lihat waktu berdetik,
ku pikir itu semua logik,
hanya kau yang membuat hari2 ku cantik...



Nukilan: Muniroh Hamat

TEKNOLOGI PERKAKASAN RUMAH PINTAR

Oleh: Saiful Nizam Warris

Pada masa kini, kos untuk menginstallasi perkakasan yang menyokong rumah pintar adalah murah berbanding dengan 10 tahun lepas. Jika dulu anda perlukan ribuan ringgit tapi sekarang hanyalah ratusan ringgit. Kelebihan rumah pintar ialah, kita dapat mengawal perkakas di rumah secara jauh dengan menggunakan apps yang tersedia di dalam telefon pintar.

Terdapat banyak perkakasan yang menyokong kepada rumah pintar seperti google home, amazon alexa, sonoff, broadlink, Samsung, LG dan lain-lain. Perkakasan ini hanya dijual dengan harga puluhan dan ratusan ringgit. Seperti suis on off untuk mengawal 3 perkakas seperti lampu dan kipas, harganya tidak sampai RM100 dan suis ini boleh dikawal dengan menggunakan telefon pintar.



Apa yang menarik, perkakasan ini boleh diintegrasikan dengan perkakasan yang lain seperti google home yang mana anda boleh memberi arahan untuk membuka atau menutup lampu dengan menggunakan suara. Selain itu, anda boleh memprogramkan kesemua alat kawalan jauh di rumah dengan menggunakan broadlink smart IR.


Mari lah kita sama-sama menjelajah teknologi rumah pintar supaya boleh dimanfaatkan bersama-sama.



PERSEDIAAN MENJALANI IBADAT HAJI : BERDASARKAN PERSPEKTIF & PENGALAMAN PENULIS

Tatkala menerima tawaran untuk mengerjakan Haji merupakan saat yang tidak dapat diungkapkan kegembiraan dan kesyukuran kepadaNya. Selama empat tahun berturut-turut membuat rayuan dan akhirnya diterima sebagai tetamu Allah. Namun sebelum menjejakkan kaki di bumi Makkah, apakah persediaan-persediaan yang perlu diperlengkapkan agar ibadat Haji yang akan dilaksanakan nanti adalah lengkap, sempurna dan berlaku perubahan positif dalam karektor individu itu sendiri iaitu hasil dari keikhlasan dalam perjuangan mengerjakan Haji. Sebagai penulis artikel ini saya sekadar ingin berkongsi persediaan yang perlu dititikberatkan sebelum mengerjakan Haji.

Pastinya setiap jemaah Haji telah membuat simpanan WANG secukupnya samada yang akan menunaikan secara Muasasah atau dengan pakej-pakej Haji. Tidak kisah pakej apa yang dipilih, namun yang utama di sini adalah niat yang ikhlas membelanjakan sebahagian wang untuk memastikan ibadat Haji nanti dapat dilaksanakan dengan baik, sempurna dan segala amalan kita diterima Allah S.W.T.



KEKUATAN FIZIKAL merupakan aspek yang penting kerana sebahagian rukun Haji seperti Tawaf dan Saie serta wajib Haji seperti melontar di Jamrah untuk tiga hari berturut-turut memerlukan seseorang itu untuk banyak berjalan. Jarak perjalanan contohnya untuk melontar di Jamrah dari khemah masing adalah 8km pergi dan balik. Jika untuk 4 hari berturut-turut maka jumlah perjalanan adalah 30 ke 32 km. Bakal Haji perlu banyak membuat latihan berjalan cukup sekadar sejauh 3 ke 5 km dalam kawasan perumahan 6 bulan sebelum ke Makkah nanti.

PENJAGAAN KESIHATAN merupakan aspek yang paling penting. Jemaah Haji yang menghadapi penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung dan lain-lain penyakit kronik yang diberi kebenaran oleh Doktor, hendaklah mengawal pemakanan, selalu membuat senaman fizikal yang ringan dan elakkan stres.

Para bakal jemaah Haji juga perlu beri perhatian kepada **ASPEK KEROHANIAN** iaitu semak dan murnikan semula solat dan wudu' masing-masing. Perbaiki bacaan dalam solat, tambahnilai kepada bacaan surah-surah yang baharu, solat pada awal waktu, solat berjemaah khususnya untuk lelaki, jangan lalai dalam solat dan jauhkan dari perbuatan lagha.

Di samping ibadat wajib seperti solat 5 waktu, tambahnilai dengan **IBADAT SUNAT** seperti solat Taubat, Dhuha, Tahajjud, perbanyakkan wirid, berpuasa sunat, membaca al-Quran, bersedekah dan mempermudah urusan orang di sekeliling kita. Kesemua ini perlulah berterusan dan istiqamah serta ikhlas apabila mengerjakannya.

Pastinya kita jangan lupa untuk sentiasa BERDOA dan terus berdoa. Orang yang tidak berdoa atau malas berdoa selepas solat adalah digolongkan sebagai golongan yang sombong kepada Allah S.W.T.

Suatu perkara yang kurang diberi perhatian oleh para jemaah Haji adalah **SOLAT JENAZAH**. Pelajari kaifiat solat jenazah memandangkan solat jenazah diadakan setiap kali selepas pada waktu solat samada di Masjidil Haram atau di Masjidil Nabawi.

MAAFKAN dan mohon kemaafan dari semua orang samada mereka pernah berurusan secara langsung dan tidak langsung. Keikhlasan dalam kemaafan akan memberi ketenangan semasa mengerjakan ibadat Haji. Juga tidak kurang pentingnya adalah isu **KEBERHUTANGAN**. Langsaikan hutang dengan segera jika ianya melibatkan keluarga, kenalan dan jiran.

Jemaah Haji juga digalakkan untuk membuat **WASIAT ATAU HIBAH** harta kepada ahli keluarga selama tempoh mengerjakan Haji. Kita tidak pasti ajal dan maut segalanya ketentuan Allah dan eloklah dokumen seperti geran, simpanan dan hutang jika ada dimaklumkan kepada anak-anak atau saudara terdekat.

Tinggalkan segala perbuatan **MAKSIAT** dan berazam untuk tidak mengulanginya. Isu jemaah Haji yang merokok walaupun umum mengetahui bahawa fatwa kebangsaan telah mengharamkan perbuatan merokok dan mereka tegar terus merokok tanpa menghiraukan tempat samada di Arafah, Mina dan Muzdalifah. Menghampakan apabila ada jemaah Haji yang membawa bekalan rokok berkatun-katun untuk stok selama 40 hari selama di tanah suci.

Jemaah Haji juga perlu melepaskan atau menyerahkan amanah kepada mereka yang boleh dipercayai untuk menjaga binatang ternakan seperti ayam, kambing, lembu dan lain-lain. Namun **BINATANG TERNAKAN** seperti burung dan ikan sebaiknya dilepas-bebas kerana dibimbangi jika mati, kita akan menanggung dosa serta mencalar pahala Haji.





Pemantapan ilmu dalam ibadat Haji adalah penting dan **KURSUS IBADAT HAJI** merupakan platform yang terbaik untuk setiap bakal Haji. Lembaga Tabung Haji mewajibkan setiap bakal Haji menghadiri kursus Haji sebanyak 17 siri untuk diberikan pendedahan berhubung cara mengerjakan haji yang betul secara teori dan amali. Bakal Haji janganlah memandang remeh berhubung kepentingan kursus ini. Saya sendiri menghadiri kursus Haji sebanyak 4 kali iaitu 4 tahun berturut-turut untuk mendapatkan gambaran yang jelas cara mengerjakan Haji. Ada jemaah Haji yang tidak hadir kursus Haji dan semasa

ibadat Haji yang sebenar di Makkah, para jemaah amat bergantung harap kepada rakan sebilik atau petugas Haji untuk pelaksanaan rukun-rukun Haji dan wajib-wajib Haji.

Bersedia dengan **PERUBAHAN CUACA, IKLIM, SUASANA PERSEKITARAN, MAKANAN, PERTUTURAN, POLITIK**, dan lain-lain yang boleh membuatkan anda rasa stres, kurang selesa atau kemurungan. Sebagai contoh, ada jemaah Haji yang takut ke masjid untuk berjemaah dan lebih selesa berjemaah di surau hotel masing-masing kerana ada simptom tidak boleh berada dalam suasana yang sangat ramai orang. Ada juga konflik antara rakan sebilik kerana masalah sikap tidak boleh bertolak-ansur, merokok, masalah loghat dan sebagainya. Apa pun kita harus tangani semua ini dengan profesional dan sentiasa berdoa semoga Allah mempermudah segala urusan.

Perkara yang tidak kurang pentingnya juga adalah **KEMUDAHAN UBAT-UBATAN** yang dijual di farmasi samada di Makkah atau Madinah adalah agak mahal. Para jemaah adalah digalakkan membawa ubat-ubatan seperti ubat demam, selesema, batuk, krim pelembap, Vitamin C (tablet), ubat pelembap mata, dan lain-lain ubat yang dirasakan perlu. Melainkan jika para jemaah Haji yang merujuk ke klinik Tabung Haji maka ubat-ubatan ini akan diberikan secara percuma. Namun para jemaah perlu beringat jika ubat-ubatan di farmasi Tabung Haji telah kehabisan stok dan kebiasaanya doktor akan berikan preskripsi ubat untuk kita dapatkan di farmasi tempatan.



Sudah menjadi kebiasaan, para jemaah Haji akan membawa **BEKALAN MAKANAN KERING** seperti serunding, sambal ikan bilis goreng, ikan kering goreng, sambal belacan sebagai penyelera. Bayangkan selama 40 hari di Makkah dan Madinah, sajian makan tengahari dan malam adalah diulang seperti ikan, daging dan ayam sahaja.

Dua minggu yang pertama kebanyakan jemaah Haji masih boleh menjamah, namun masuk minggu ketiga para jemaah perlu mencari sesuatu sebagai penambah selera seperti roti, maggi, makanan Indonesia dan Pakistan.

Persediaan yang saya perelaskan ini sekadar perkongsian ilmu dan kemungkinan ada aspek-aspek lain yang perlu diberi perhatian seperti kemudahan talian komunikasi, kemudahan pos bagasi ke Malaysia, dan lain-lain lagi. Saya berharap dengan perkongsian ini akan memberi gambaran kepada bakal Haji untuk membuat persediaan secukupnya agar ibadat Haji dapat dilaksanakan dengan penuh tawadhuk.

DALAM....???

Dalam meriah suasana
 Kau perlu sedikit kesunyian
 Untuk mentadabur dan bertafakur
 Mengenal akrab dengan AR-RAHMAN

Dalam hiruk pikuk keraian
 Kau perlu berjalan ke tepian
 Untuk tidak diulit muzik dan tarian
 Demi tiada gembira berlebihan

Dalam rancaknya perhubungan
 Kau perlu sedikit rasa ke sendiri an
 Untuk tidak selalu bergandingan
 Kebergantungan bukan pada insan

Dalam arus moden perdana
 Kau harus berjeda memencil diri
 Untuk tidak leka dengan fana duniawi
 Demi memelihara takwa dan Iman

Dalam jauhnya langkah mu
 Dalam kuat mana kudrat mu
 Dalam tegarnya hati mu
 Sematkan di qalbu
 Kau tetap berjiwa hamba
 Segala yang di rencana
 Tetap ketentuan Nya
 Dan di sini cuma persinggahan jua
 Perpisahan sementara pastikan tiba
 Untuk kembali bertemu di sana
 Dalam keadaan yang bagaimana?
 Dalam jiwa mu ada jawabannya..

Coretan
ME, Qalam Ehsan



Pengaturcaraan Kehidupan

Aku melalui
Fasa aritmetik kehidupan
Operasi tambah, tolak, bahagi, darab
dan modulus
Seketika aku berjeda
Kerana penyelesaiannya tiada kena

Lalu langkah aku tersentak
Teringat kata guru ku
Dalam pengaturcaraan....
Cakna teknik jangan entengan
PDLC singkatan sebutan barat
Kitar hayat pembangunan atur cara
bahasa ufuk timurnya

Analisis, reka bentuk, implementasi,
nyahpepijat, dan penyelenggaraan
Fasa yang tak harus aku tinggal
Saat aku mahu memulakan atur cara

Ku ikut kata mu wahai mualim
Analisis tersurat aku dokumenkan
Objektif, input, proses dan output aku
terjemahkan

Lalu, aku ziarah ke daerah reka bentuk
Segala dan semuanya
Aku ilustrasi kan melalui carta alir
Tampak rajah yang boleh ditafsirkan

Gerak jari perlahan
Menekan papan kekunci
Janggal dan asing
Dalam mematuhi nahu bahasa mesin
Satu persatu, dari mula hingga akhir
Sehingga selesai setiap modul

Ku amati mesej nyahpepijat amaran
khilaf
Ku ikut rentak tatabahasa mesin itu
Sehingga dia mahu menerima "diriku"
Selayaknya dan seadanya

Ku langkahi ke fasa uji lari
Ya...ya..ya...rasa perasaan kecil yang
bahagia
Atur cara ku mula terlaksana
Jangan terlalu gembira

Output yang nyata tidak semestinya
bermakna
Pesan guru aku
Sewaktu aku di bawah bimbingannya
dulu

Seterusnya, untuk hari-hari berikutnya
Demi mengikut arus perdana
Atur cara perlu di selenggara
Dalam mematuhi aspirasi dan visi
Selari dengan hambatan teknologi
terkini

Analisis aku kecil sekali
DIA mahu aku kembali ke landasan
hikmahnya
Mengikuti segala perancangan tersirat
Nya
Terkadang aku rasa seperti kerikil
Tertusuk...tapi aku sembunyikan
kesakitan itu
Kerana apa?
Kerana aku percaya
DIA pasti mengetahui sintesis yang
terbaik Buat pengatur cara yang daif
seperti diri ku

Rajah ilustrasi
Nampak sistematik secara zahir
Tetapi....belum benar arus alir carta nya
Perwakilan notasi terkadang tersasar jua
Rupanya DIA letakkan aku dalam satu
acuan

Reka bentuk yang mampan
 Walau terkadang aku lelah dan rebah
 Terkeluar dari rajah ketetapan Nya
 Melanggar piawaian sedia ada
 Bila aku sedar
 Itulah sebenarnya
 Lukisan rajah yang benar dan terarah

Pasti.....
 Sampai masa dan ketikanya
 Suatu rencana akan terlaksana
 Indah pada imaginasi
 Realitinya tiada yang hakiki
 Tersurat dan tersirat tersimpul erat
 Samar tapi nyata

DIA menitip satu utusan
 Implementasi sejati adalah di negeri
 abadi
 Timbang dan ALMIZAN yang tiada ralat
 lagi

Khilaf nahu dan tatabahasa
 Pada logika dan metafizika
 Di sana DIA mahu aku meniti.....
 Dari mula hingga ke akhirnya
 Sebagai satu proses kompilasi
 Hati dan naluri

DIA mengingatkan....
 Jangan lupa.....
 Hati perlu di selenggara
 Agar tidak lupa
 Iman perlu di selenggara
 Agar tidak terus alpa
 Rohani perlu di selenggara
 Agar tidak terleka di ulit dunia
 Akal perlu di selenggara
 Agar menyedari hakikat hamba
 Sesungguhnya atur cara DIA
 Maha sempurna
 Walau pada pandangan kasar
 makhluk dunia
 Tidak terjangkau makna tafsiran
 utusannya yang sebenar
 Dan sebagai pengatur cara daif di
 sini
 Aku menerima hak cipta istimewa
 DIA
 Kerana aku mahu kembali ke sana
 Dalam fitrah PDLC yang tercerna
 Dalam cakna yang ESA
 Pada suatu daerah, satu singgahsana
 yang kekal selamanya.....

*Coretan
 ME, Qalam Ehsan*



SILA CARI DAN BULATKAN NAMA-NAMA PENSYARAH DAN MAKLUMAT YANG BERKAITAN DENGAN

JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

(**TERDAPAT 10 MAKLUMAT YANG PERLU DICARI**)




KENALI JSKM

R	Q	L	G	K	Y	L	S	P	F	T	A	W	G	H
E	L	G	D	C	V	A	H	G	X	V	X	A	O	O
T	Z	O	K	P	N	M	P	G	F	W	F	R	L	N
U	E	I	I	F	I	A	M	E	P	A	I	K	C	J
P	A	Y	T	K	N	J	F	O	X	N	A	G	H	A
M	Z	B	S	X	V	F	G	H	U	M	G	A	D	H
O	L	I	I	R	I	F	N	M	V	A	Z	E	A	W
K	I	A	T	X	F	L	A	X	N	I	W	M	W	N
O	N	U	A	D	W	T	W	A	F	R	S	Q	D	I
X	A	D	T	X	E	T	M	A	S	A	F	M	O	I
B	M	V	S	M	B	H	R	U	I	M	L	U	D	F
J	Y	F	A	M	T	E	V	T	H	I	J	M	B	B
T	D	T	R	O	U	J	I	N	Q	T	B	R	F	T
H	I	G	E	Q	Q	S	F	S	O	I	W	B	V	K
K	N	I	N	B	A	U	X	M	K	S	J	S	F	Z





*SILA
LENGKAPKAN
SILANG KATA*



MELINTANG

1. NAMA KETUA BIDANG STATISTIK
2. BILANGAN LAPTOP ICSTIE (MERAH)
3. NAMA KETUA BIDANG MATEMATIK

KEBAWAH

1. NAMA KETUA BIDANG CS
2. BILANGAN BIDANG DALAM JSKM
3. BILANGAN PENSYARAH CS
4. NAMA KETUA JABATAN

1. Azlina	1. Nurhafizah
2. tiga	2. empat
3. Sembilan	3. drhanim
4. muntiroh	
MELINTANG	KEBAWAH

Disediakan oleh: Azlina Mohd Mydin

Malaysian Education Sector towards IR4.0: Educators' and Learners' Perspectives

By: Syarifah Adilah Mohamed Yusoff

IR4.0 is inevitable. It happens when artificial intelligence, cloud computing, Internet of Things (IoT) and Big Data Analytic are blended together in the industry and this enables the development of automated, intelligent and connected products and services. Hence, the demands for workers who are multi-skilled and lifelong learners increases drastically.

Predicting what lies ahead for Malaysia with IR4.0 is quite fuzzy. Anyhow, it is vitally important to impart knowledge in line with the government blueprint for IR4.0. Higher education institution already begin framing for Education 4.0 to prepare new generations with future needs.

Existing education ecosystem needs to be re-aligned to cope with incoming target of industry. According to Higher Education 4.0 Framework (Malaysia Education Blueprint 2015-2025, Higher Education, p.72), five future trending fields were set up by the higher education level, and they are: 1)Future Ready Curriculum; 2) Agile Governance; 3) Research and Innovation; and 4) Talent Planning. Educators seem to play big role for items 1, 3 and 4. In the end, educators must be able to equip the graduates with three personal qualities: lifelong learning, multiple intelligence and competence, and computational thinking.



In general, Education 4.0 relies on innovation of producing education (Diwan, 2017). It consists of multi sources in internalising basic concepts, fun and exciting approach in delivering the fundamental knowledge, engaging students with extensive discussion session to attract interest and inspire innovation by thinking differently in solving the problems.

Educators have to utilise the services offered by the latest technology in order to deliver knowledge to the students. Expose

students to various online repositories to access documents, extract relevant information, do proper citations, and know plagiarism ethics. Gamified learning approach is considered as the best learning approach for the digital native generation. Another example is Kahoot application that enables students to learn the fundamental concept of lesson in a more exciting way. Now, it is up to the educators to explore and strive hard in order to engage technology in teaching and learning environments.

Implementation of adaptive learning is challenging and should start from the early level of education. Many efforts are required in order to equip learners with problem solving and decision making skills. These skills supposed to be exposed as early as their teenage years. It is a difficult task for higher education institutions to provide learners with predictable schedules and personalised learning path that are suited to their level of competency if secondary school level itself lacks in adaptive learning skills.

Source:

Diwan, P. (2017, Aug, 5). Is Education 4.0 an imperative for success of 4th Industrial Revolution. Retrieved from <https://medium.com/@pdiwan/is-education-4-0-an-imperative-for-success-of-4th-industrial-revolution-50c31451e8a4>.

Posnick-Goodwin, S. (2010). Meet Generation Z. *California Educator*. 8-18.



ALATAN ASAS & POSISI MEMANAH TRADISIONAL

Memanah tradisional merupakan salah satu aktiviti sukan yang agak meluas pada masa kini. Ianya bukan sahaja diminati oleh golongan dewasa dan remaja malahan ia juga sesuai untuk si cilik. Memanah dapat menguatkan kecerdasan fizikal dan juga dapat melatih dan meningkatkan daya fokus seseorang.

Apakah alatan asas yang diperlukan untuk memanah? Antaranya ialah:



BUSUR



ANAK PANAHAH



**BEG ANAK PANAHAH
(QUIVER)**




TARGET STAND & TARGET FACE BUTT




SARUNG TANGAN

Kebiasaannya, memanah boleh dilakukan dengan pelbagai jenis posisi iaitu duduk, berdiri dan berjalan. Memanah secara berjalan adalah untuk panahan dinamik, manakala memanah dalam posisi duduk dan berdiri adalah untuk panahan secara statik/pegun. Memanah tradisional juga boleh digayakan dengan memanah sambil berkuda.



**BERDIRI
(SISI)**



**BERDIRI
(DEPAN)**



**BERDIRI
(BELAKANG)**



**DUDUK
(MELUTUT)**



**DUDUK
(BERSILA)**

Oleh: Siti Balqis Maflan

SUKAN BOWLING

Disediakan oleh: Kak M



Bowling merupakan salah satu sukan yang semakin diminati ramai. Walaupun permainan ini nampak mudah, tetapi ianya memerlukan konsentrasi yang tinggi serta teknik yang betul semasa membaling. Terdapat manfaat kesihatan di dalam sukan bowling ini dan di antaranya ialah menguatkan otot, menghilangkan stress dan dapat membakar kalori sekitar 150 sehingga 300 kalori.

Apakah perkara asas yang perlu diketahui oleh seorang pemain dalam sukan bowling? Sukan bowling memerlukan bola dan kasut khas untuk bowling. Ianya telah disediakan di pusat bowling dengan kadar bayaran RM6.50 untuk setiap game dan kasut bowling pula perlu disewa dengan kadar harga RM2 ke RM3. Bayaran yang dikenakan untuk bermain bowling ini adalah berbeza mengikut pusat bowling yang dikunjungi. Pemain perlu memilih saiz kasut dan berat bola yang sesuai mengikut keselesaan. Berat bola bowling adalah di antara 6 paun hingga 17 paun (2.7-7.7 kg).



Pemain perlu membaling bola di lorong yang disediakan. Setiap lorong boleh menempatkan maksimum 5 orang pemain. Lorong bowling tersebut adalah berukuran 1.05m lebar dan 18.2m panjang. 6m ke hadapan adalah ruangan untuk pemain bergerak. Pemain perlu menjatuhkan sebanyak 10 pin yang disusun secara segi tiga dengan jarak 12m dari kedudukan balingan. Sekiranya semua pin dijatuhkan dengan sekali balingan, ianya dikira sebagai 'strike'. 'Spare' pula sekiranya pemain dapat menjatuhkan kesemua pin yang tertinggal pada balingan kedua. Dalam satu sesi permainan atau game, terdapat sebanyak 10 frame. Peluang untuk membuat balingan adalah sebanyak dua kali untuk satu frame. Sekiranya mendapat 'strike', hanya sekali balingan sahaja. Terdapat tiga peluang balingan untuk frame yang terakhir sekiranya pemain mendapat 'strike' atau 'spare'.



Markah akan dikira berdasarkan jumlah jatuhan pin. Setiap frame 'strike' akan mendapat tambahan markah dari dua balingan seterusnya dan tambahan markah dari satu balingan seterusnya diberikan untuk 'spare'. Pemenang akan dikira berdasarkan jumlah markah tertinggi yang dikumpulkan bagi setiap game yang dipertandingkan. Skor tertinggi dalam setiap game (10 frame) adalah 300 ataupun disebut 'perfect game'.

Selamat Bersara...

Oleh: Faridah Hussin

Latarbelakang:-

Nama:
Faridah Bt. Hussin

Tarikh Lahir:
25 Ogos 1963

Tempat Lahir:
Georgetown, Pulau
Pinang

Pendidikan Awal:-

Sekolah Rendah:-

Sekolah Rendah Jalan
Residensi & Sekolah
Rendah Padang

Tembak, Pulau Pinang

Sekolah Menengah:-

Sekolah Menengah
Perempuan St George,
Pulau Pinang.

Pendidikan Tertinggi:-

Tahun 1981-1985:-

Biasiswa JPA B.Sc in
Mathematics di
University of North
Carolina at Charlotte,
North Carolina, Amerika
Syarikat.

Tahun 1986-1987:-

M.Sc in Mathematics di
Arkansas State
University, Jonesboro,
Arkansas.



Hari terakhir Thumb Print
31 Julai 2018 05:27 petang

Kerjaya pertama dan sehingga bersara

Memulakan kerjaya pertama (1988) sebagai Pembantu Penyelidik untuk projek-projek R&D di Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Sains Malaysia. Tahun 1990 mendapat tawaran sebagai Pensyarah Sambilan di Universiti Pertanian Malaysia. Mengajar selama 2 semester dan akhirnya, mendapat jawatan tetap sebagai Pensyarah ITM pada 7 Januari 1991 dan ditempatkan di ITM Cawangan Perak kampus asal di Seri Manjung, Perak.

Kemudian pada tahun 2003, kampus di Seri Manjung ditutup dan UiTM Cawangan Perak berpindah ke kampus Seri Iskandar. Tahun 2004, bertukar ke UiTM Cawangan Pulau Pinang setelah berkhidmat selama lebih kurang 13 tahun 3 bulan di UiTM Cawangan Perak. Berkhidmat selama lebih kurang 14 tahun 5 bulan di UiTM Cawangan Pulau Pinang sebelum memilih untuk bersara secara pilihan pada 7 September 2018.

Jawatan disandang ketika berkhidmat di Vitm:

Koordinator Kaedah Kuantitatif Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, UiTM Cawangan Perak tahun 2000-2001.

Semasa di UiTM Cawangan Perak, dilantik dalam beberapa Jawatankuasa seperti Penyelidikan, Peperiksaan, Perhubungan Warga UiTM, Jadual Waktu Kuliah, Sahsiah Rupadiri, Unit Sumber Pengajaran & Pembelajaran serta Fasilitator Kursus Minggu Wawasan Siswa.

Ketua bagi beberapa kursus dalam Program Diploma Sains Komputer, antaranya MAT105, MAT110 dan QMT151.

UiTM Cawangan Pulau Pinang pula, pernah dilantik sebagai Juruaudit Dalam, Penyelaras Analisa Data dan Penolong Pegawai Dokumen (Unit Kualiti), Pengerusi Jawatankuasa Vetting (JSKM), Fasilitator Kursus MWS, dan ahli dalam jawatankuasa Peperiksaan, Pemantauan Staf Akademik UiTMPP.

Penyelaras bagi kursus-kursus antaranya MAT192, MAT183, MAT455 dan MAT480

Sambungan...

Nasihat dan kata2 kepada warga JSKM



Didoakan semua rakan-rakan JSKM bersemangat tinggi dalam menjalankan tugas-tugas seharian dan terus berkhidmat sebaik mungkin dengan penuh keikhlasan di universiti ini.

Perancangan selepas bersara:

Di antara perancangan-perancangan selepas persaraan adalah mendalami ilmu-ilmu berkaitan agama sebagai bekalan sebelum menemui ilahi, meluangkan lebih banyak masa bersama ahli keluarga dan meneroka keindahan alam ciptaan Allah.

Hukum alam menetapkan, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Walau jauh di mata, JSKM akan tetap di hati. Semoga takdir mempertemukan kita semula di lain tempat, di lain masa, in Sha Allah.

Gambar Kenangan bersama rakan-rakan JSKM



Salam Perpisahan



DR. NG SET FOONG

- ❖ Pensyarah Kanan (Bidang Statistik)
- ❖ Telah berkhidmat di ViTM Cawangan Pulau Pinang selama 13 tahun
- ❖ Berpindah ke ViTM Kampus Pasir Gudang

Ucapan untuk rakan sekerja di ViTM CPP...

Terima Kasih kawan-kawan semua di ViTMPP. Kenangan di ViTM CPP tidak akan dilupai.



Oleh: Ng SF, 2018



Anugerah Terindah

Oleh: Norshuhada Samsudin



Biodata Si Comel

NAMA: FATEH UWAIS BIN SHARIL ARIZAN

TARIKH LAHIR: 16 MAC 2018

MASA& TEMPAT LAHIR: 4.24AM & HOSPITAL SEBERANG JAYA,P.PINANG

BERAT LAHIR: 2.29 KG

ANAK PERTAMA





Anugerah Terindah



Biodata Si Comel

NAMA: MUHAMMAD AISY DANISH BIN SYARUL AZAN

TARIKH LAHIR: 24 JUN 2018

MASA& TEMPAT LAHIR: 7P.M PULAU PINANG

BERAT LAHIR: 3 KG

ANAK KETIGA





Disediakan Oleh:
UNIT PENERBITAN DAN PUBLISITI
JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (JSKM)
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG

